

Budayakan penyusuan susu ibu

SERDANG (11 OGOS)- Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UPM dengan kerjasama Persatuan Permata dan Pejabat Kesihatan Daerah Petaling Jaya menganjurkan forum berkenaan Penyusuan Susu Ibu yang bertemakan "Ke Arah Mewujudkan Budaya Penyusuan Susu Ibu" dianjurkan oleh,

Forum yang diadakan ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran di kalangan wanita masa kini mengenai kepentingan memberi susu ibu secara eksklusif kepada bayi mereka sehingga umur 6 bulan.

Selain itu, ianya juga bertujuan untuk memberikan galakan dan dorongan kepada ibu-ibu yang berkerjaya untuk meneruskan penyusuan susu ibu di samping meningkatkan pengetahuan dan mewujudkan kesedaran di kalangan para penuntut IPT mengenai isu-isu penyusuan

ibu.

Forum ini telah dirasmikan oleh Ahli Parlimen Puchong, Ainon Imbi. Menurut beliau, budaya menyusu pada masa kini agak jauh berbeza berbanding dahulu.

"Susu ibu adalah makanan semula jadi yang dianugerahkan khusus kepada ibu dan bayi yang baru dilahirkan. Ia mengandungi segala khasiat yang diperlukan dengan komposisi yang betul," tambahnya lagi.

Kata Ainon, kandungan zat dalam susu ibu adalah memenuhi keperluan yang diperlukan oleh bayi iaitu protein, laktosa, zat besi, fosfat, kalsium dan zat hadam.

"Semua ibu digalakkan menyusu anaknya dengan susu ibu sahaja selama 4 hingga 6 bulan yang pertama dan meneruskannya sehingga anak berumur 2 tahun," katanya lagi.

Peranan bapa tidak kurang pentingnya dalam usaha untuk mempastikan bahawa penyusuan susu ibu dapat diteruskan dengan jaya sehingga bayi membesar. Dengan adanya sokongan padu daripada suami, ianya membantu memotivasiikan ibu untuk meneruskan penyusuan ibu.

Dalam pada itu, program sehari ini menampilkan pelakon dan pengacara terkenal, Wardina Safiyyah membicarakan tentang topik 'Kerjaya dan Pengalaman Menyusukan Anak'.

Selain itu, turut membentangkan kertas kerja ialah Ketua Jabatan Pemakanan dan Sains Kesihatan, UPM, Prof. Madya Dr. Rokiah Mohd Yusof (Penyusuan Susu Ibu: Cabaran dan Sokongan) dan Pakar Perunding Kanan O & G, Hospital Selayang, Dr P. Paramjothi (Breastmilk Is The Best).